



# Sesi Perkongsian Maklumat: Collaborative Teaching

Norhidayah Ismail  
Siti Harwa Shuid  
Ja'izah Abdul Jabar

Biro Akademik Fakulti Perakaunan telah mengadakan Program Sesi Perkongsian Maklumat Berkaitan *Collaborative Teaching* dengan bertujuan memberi pendedahan yang lebih meluas berkaitan *collaborative teaching* atau pengajaran kolaboratif. Pengajaran kolaboratif ini dapat diaplikasikan sebagai salah satu medium pengajaran yang lebih berkesan.

Program ini telah berlangsung pada 7 Januari 2020 dan disertai oleh ahli – ahli Fakulti Perakaunan UiTMCNS Kampus Seremban. Sesi perkongsian maklumat ini telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Ts Mohamad Shahrmi Bin Hashim, pensyarah kanan UiTMCNS Kuala Pilah.



Program ini dijalankan secara dalam talian dengan menggunakan platform *google meet* bermula jam 10 pagi. Program ini juga telah dikendalikan oleh Puan Siti Mariam Abdul Halim selaku moderator. Antara objektif pengajaran kolaboratif ini diperkenalkan adalah mengoptimumkan sumber kepakaran ahli fakulti dalam menyampaikan maklumat secara kolaboratif dan lebih berkesan.

Teknik ini diharapkan dapat membantu dan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya dapat membimbing pelajar bagi memperkasa pembelajaran sendiri mereka.

